

PRAKTIS 2

4/ai-oiat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Guru Sains kami menerangkan tentang peraturan-peraturan ketika berada di dalam makmal sekolah untuk mengelakkan sebarang perkara berbahaya berlaku. Tiada kesalahan.
A B C D
2. Dahan pokok di tepi jalan itu terpaksa ditebang kerana dikhuatiri akan patah dan menimpa bumbung rumah penduduk setempat. Tiada kesalahan.
A B C D
3. Sultan Muzaffar Syah telah melantik anakanda baginda sebagai putera mahkota yang baharu setelah kemangkatan ayahanda baginda. Tiada kesalahan.
A B C D
4. Sempena ulang tahun kelahiran anak sulungnya, Puan Ros telah menghadiahkan anaknya itu sebutuk cincin emas bertatahkan permata. Tiada kesalahan.
A B C D
5. Aliya suka duduk di tepi pantai sambil menyaksikan bintang-bintang berkedipan di langit kerana suasananya yang mendamaikan jiwa. Tiada kesalahan.
A B C D
6. Penambahan penduduk di kawasan pedalaman itu disebabkan oleh pembangunan yang pesat di sana. Tiada kesalahan.
A B C D
7. Beberapa orang kanak-kanak yang sedang menunggang basikal itu telah ditahan oleh pihak berkuasa kerana mereka saling berlumba-lumba di jalan raya. Tiada kesalahan.
A B C D
8. Cikgu Siti tidak jemu-jemu menjelaskan kembali topik yang tidak difahami oleh murid-muridnya dengan pelbagai kaedah pembelajaran. Tiada kesalahan.
A B C D
9. Puan Azwin menyedari yang anaknya berbakat besar dalam bidang muzik setelah menyaksikan anaknya mengadakan persembahan pentas di sekolah. Tiada kesalahan.
A B C D
10. Berpuluh-puluh ekor lembu yang bergelimpangan di jalan raya tanpa pengawasan pemiliknya telah menyebabkan banyak kejadian kemalangan berlaku. Tiada kesalahan.
A B C D